



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD		
TARIKH	:	5/9/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 10
JABATAN	:	PERHILITAN		



BURUNG enggang yang dikurung dalam sangkar.



DUA suspek lelaki tempatan diyakui berperanan sebagai penghantar ditahan bersama lapan burung enggang di KLIA.



Perhilitan gagalkan cubaan seludup lapan burung enggang tempatan melalui KLIA

Oleh Mohd Jamil Anbia Md Denin anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Nyilainya hampir menyamai emas 916 apabila seekor burung enggang tempatan (*basoroides*) boleh mencapai harga RM100,000 hingga RM130,000 seekor di pasaran gelap Eropah.

Harga tinggi diletakkan bagi burung enggang menyebabkan spesies hi-

dupan liar dilindungi ini cuba diseludup keluar negara walaupun ketika dunia masih dilanda pandemik covid-19.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, aktiviti jenayah hidupan liar itu dibuktikan apabila pihaknya menggagalkan cubaan menyeludup lapan burung enggang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Sepang.

Mensurutnya, dalam operasi dilakukan anggota Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perhilitan itu lapan burung enggang dikurung dalam sangkar berjaya diselamatkan.

"Anggota Perhilitan menemui semua unggas disimpun di Animal Hotel, Mas Kargo, KLIA, Sepang.

"Berdasarkan siasatan awal, kami percaya semua burung mahu diseludup



Mengikut maklumat diperoleh, spesies burung ini ditawarkan pada harga tinggi di pasaran gelap hingga mencecah ratusan ribu ringgit seekor"

Abdul Kadir

kehar ke Bangladesh yang dijadikan negara transit. "Burung enggang dihantar ke Eropah atau Amerika Syarikat. Mengikut maklumat diperoleh, spesies burung ini ditawarkan pada harga tinggi di pasaran gelap hingga mencecah ratusan ribu ringgit seekor," katanya.

Kadir berkata, susulan penemuan semua burung enggang itu, pihaknya menahan dua lelaki tempatan berusia 26 dan 34 tahun diyakui berperanan sebagai penghantar. "Kedua-dua mereka gagal mempamerkan dokumen sah daripada Perhilitan bagi menyimpan semua spesies burung enggang itu.

"Kami masih menyiasat pemilik sebenar burung enggang itu dan ejen yang menguruskan penghantaran barangan itu ke luar negara," katanya.

Bellati berkata, kes kini disiasat mengikut Akta Perlindungan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) serta Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686).

"Sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM500,000, penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia